

Siapa Speaker baru?

Oleh AZAHAR MOHD
azahar@spn.com.sg

BEBERAPA pemerhati berpendapat kemungkinan Speaker Parlimen yang baru dinamakan dalam satu atau dua minggu sebelum Parlimen bersidang pada 14 Januari ini sedang beberapa nama disebut-sebut sebagai bakal Speaker baru.

Speaker baru yang dilantik itu besar kemungkinan seseorang yang biasa dengan Perintah Tetap (*Standing Order*), mempunyai teras kemahiran serupa dengan mantan Speaker terdahulu dan menguruskan perdebatan di Parlimen secara adil dan saksama.

Seorang profesor undang-undang di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Eugene Tan, yang dihubungi semalam, berkata pelantikan Speaker baru akan dibuat dalam masa terdekat.

"Parlimen akan bersidang pada 14 Januari. Saya jangkakan Perdana Menteri Lee Hsien Loong membuat pencalonan seminggu atau dua minggu sebelum persidangan, mungkin bila-bila masa dari 1 Januari 2013."

"Beliau mungkin juga membuat pengumuman menjelang akhir tahun ini (2012)," jelasnya lagi.

Menurut Encik Tan, oleh kerana Tempoh ke-12 Parlimen akan mempunyai agenda perundangan yang agak aktif, beliau menjangkakan calon yang dipilih seorang ahli politik mapan yang boleh melaksanakan tugas itu tanpa perlu diberi banyak bimbingan dan calon itu juga biasa dengan Perintah Tetap.

"Selain itu, Speaker baru mestinya seorang yang boleh dihormati Anggota Parlimen dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam Dewan. Calon itu mestinya adil tetapi tegar dan boleh menguruskan perdebatan dalam Dewan secara terhormat," jelasnya lagi.

Dua mantan menteri kabinet, dua peguam kanan dan dua penjawat awam disebut-sebut sebagai calon Speaker baru selepas Encik Michael Palmer mengumumkan peletakan jawatan beliau sebagai Spea-

ker dan Anggota Parlimen kawasan undi perseorangan (SMC) Punggol East.

Calon-calon yang disebut ialah mantan dua menteri, Encik Wong Kan Seng, 66 tahun, dan Encik Mah Bow Tan, 64 tahun; Menteri Negara Kanan, Cik Indranee Rajah; dan Menteri Negara, Cik Halimah Yacob. Nama lain ialah peguam, Encik Alvin Yeo dan Encik Hri Kumar Nair.

Calon-calon lain termasuk Timbalan Speaker, Encik Charles Chong dan Encik Seah Kian Peng. Dua nama terakhir itu merupakan calon yang paling biasa dengan peranan Speaker.

Speaker Parlimen, antara lain, menguruskan persidangan Parlimen dan menguatkuasakan peraturan supaya urusan parlimen dapat dijalankan dengan baik.

Calon itu tidak semestinya Anggota Parlimen (AP) yang dipilih.

"Pemilihan (tidak semestinya AP) itu terkandung dalam undang-undang tetapi kita tidak mempunyai Speaker sedemikian sejak begitu lama," kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean, sewaktu sidang akhbar Rabu lalu ketika mengumumkan peletakan jawatan Encik Palmer kerana menjalin hubungan sulit.

Namun, pemerintah belum membuat kenyataan mengenai bila Speaker baru akan dinamakan.

Pemimpin akar umbi yang juga seorang peguam, Encik Amrin Amin, pula berkata ciri-ciri bagi Speaker seperti teras kemahiran dan keupayaan menguruskan perdebatan di Parlimen secara adil dan saksama tidak berubah walaupun berlaku kes hubungan sulit melibatkan Encik Palmer.

"Calon itu mestinya berupaya melaksanakan Perintah Tetap secara adil, memastikan perdebatan dijalankan secara lancar, termasuk memastikan kedua-dua Anggota Parlimen daripada Parti Tindakan Rakyat (PAP) dan daripada parti pembangkang diberi peluang seimbang dan saksama semasa perdebatan," jelasnya lagi.